

PENGLIBATAN KOMUNITI DALAM PROGRAM PENTERNAKAN LOKAN DI KUDAT, SABAH

COMMUNITY PARTICIPATION IN MUD CLAM (LOKAN) AQUAFARMING IN KUDAT, SABAH

Jalilah Md Shah¹, Diana Demiyah Mohd Hamdan dan Rohana Tair²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: jalilah@ums.edu.my)

²Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: diana.demiyah@ums.edu.my)

³Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: rohana@ums.edu.my)

Article history

Received date : 19-11-2020

Revised date : 20-11-2020

Accepted date : 24-3-2021

Published date : 25-3-2021

To cite this document:

Md Shah, J., Mohd Hamdan, D. D., & Tair, R. (2021).

Penglibatan Komuniti Dalam Program Penternakan

Lokan Di Kudat, Sabah. *Journal of Islamic, Social,*

Economics and Development (JISED), 6(35), 95 - 108.

Abstrak: *Penglibatan aktif komuniti dalam usaha pembasmian kemiskinan menjadi salah satu indikator penting kepada pencapaian matlamat dan kejayaan program pembangunan. Banyak projek yang telah diperkenalkan oleh agensi pembangunan di Malaysia bagi meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup komuniti terutamanya di kawasan luar bandar. Di negeri Sabah, aktiviti pengutipan lokan merupakan salah satu kegiatan ekonomi sara diri komuniti Rungus di Kudat yang telah dijadikan sebagai projek akuakultur oleh Jabatan Perikanan Sabah tapi masih kurang diberi perhatian dalam wacana pembangunan komuniti. Projek Penternakan Lokan yang diperkenalkan pada tahun 2014 di Kg. Kopunadan, Kudat ke atas 11 orang peserta umumnya bertujuan membasmi kemiskinan. Sejauh manakah projek ini telah berjaya mencapai matlamatnya? Apakah yang dilakukan oleh komuniti bagi memastikan projek ini boleh terus bertahan? Kajian yang menggunakan pendekatan kualitatif ini dilakukan menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian ikut serta. Data temubual secara mendalam dikutip daripada tiga orang peserta projek dan pegawai Jabatan Perikanan Matunggong. Penyelidik turut menyertai aktiviti mengutip lokan bersama responden di kawasan paya bakau dan terlibat sama dalam Pesta Lokan yang dianjurkan oleh komuniti. Kajian ini mendapati projek yang diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan Sabah menyebabkan aktiviti pengutipan lokan lebih sistematik berbanding kaedah konvensional yang diamalkan komuniti sebelum ini. Selain pendapatan responden mengalami peningkatan, projek ini secara tidak langsung turut menyumbang terhadap pemuliharaan hutan paya bakau di Teluk Marudu. Komuniti juga telah mengembangkan projek penternakan ini ke tahap yang lebih tinggi seperti menganjurkan Pesta Lokan untuk menarik para pengemar lokan datang ke kawasan tersebut. Jalanan kerjasama dengan agensi kerajaan lain, penyelidik UMS dan orang perseorangan juga dilakukan bagi mendapatkan dana penganjuran Pesta Lokan. Usaha dan minat berterusan yang ditunjukkan oleh komuniti ini dijangka menyumbang kepada keberterusan projek ini pada masa hadapan.*

Kata Kunci: *Penglibatan Komuniti, Penternakan Lokan, Rungus, Pesta Lokan*

Abstract: *The active participant of the community in poverty eradication program is one of the important indicators to the goals achievement and the success of development projects. Many projects have been introduced by development agencies in Malaysia aim to increase the income and quality of life of the community, especially in rural areas. In the state of Sabah, lokan collection activity is one of the subsistence economic activities among the Rungus community in Kudat which has been used as an aquaculture project by the Sabah Fisheries Department but not given much attention in the community development discourse. Lokan Breeding Project introduced in year 2014 in Kopunadan Village of Kudat District to 11 participants generally aims to eradicate poverty. To what extent has this project succeeded in achieving its goals? What is the community doing to ensure that this project can be sustained? Data from this study were collected using a qualitative approach that is the method of interview and participation observation. For in-depth interview data, information was obtained from three project participants and an officer of the Matunggong Fisheries Department. Researchers also participated in the activity of collecting lokan with respondents in the mangrove area and were also involved in the Lokan Festival organized by the community. This study found that the project introduced by the Sabah Fisheries Department resulted in lokan collection activities more systematically compared to the conventional methods used by the community before. Apart from the respondents' income is increasing, this project also indirectly contributes to the conservation of the mangrove area in Marudu Bay. The community has also expanded this aquaculture project to a higher level such as organizing the Lokan Festival to attract lokan fans to come to this area. Collaboration with other government agencies, UMS researchers and individuals is also done to raise funds for the Lokan Festival. The ongoing efforts and interests shown by this community are expected to contribute to the resilience of this project in the future.*

Keywords: *Community Participant, Lokan Aquaculture, Rungus, Lokan Festival*

Pengenalan

Hutan paya bakau dan hidupnya boleh menjadi sumber ekonomi (Andy Russel et. al., 2016) khususnya kepada komuniti yang tinggal berhampiran kawasan tersebut. Justeru itu, ada komuniti yang menjalankan aktiviti mengutip lokan, ketam dan siput sedut untuk makanan sendiri dan penjana pendapatan. Menyedari potensi ekonomi yang boleh dijana daripada hutan paya bakau, maka ada agensi pembangunan yang memperkenalkan projek akuakultur untuk membangunkan aktiviti sosioekonomi komuniti. Program pembangunan komuniti boleh difahami menerusi tiga pendekatan utama; pertama, pendekatan atas-bawah; kedua, pendekatan bawah-atas (Haris, 2015) dan ketiga, pendekatan rakan kongsi (Asnarulkhadi, 2011). Dua daripada pendekatan ini iaitu pendekatan bawah-atas dan rakan kongsi merupakan pendekatan yang memberi manfaat jangka panjang dan penglibatan aktif komuniti dalam pembangunan komuniti (Asnarulkhadi, 2011; Haris & Abd Hadi, 2012; Haris, 2015). Pemerksaan komuniti dalam pembangunan juga boleh dicapai dengan syarat, prinsip demokrasi yang didokong menerusi pembangunan komuniti seperti memberi peluang kepada masyarakat untuk melibatkan diri dan bekerjasama dengan agensi pelaksana bagi memperoleh kemajuan untuk individu, keluarga dan komuniti (Meme Zainal, 2011) dilaksanakan secara berkesan. Kejayaan dan kegagalan sesuatu program pembangunan banyak bergantung kepada kesediaan dan komitmen komuniti. Untuk itu, komuniti perlu diberi pendedahan tentang peri pentingnya kerjasama dalam kalangan mereka kerana ini kelak boleh bertindak sebagai sokongan sosial yang menyumbang kepada kemampunan sesuatu program pembangunan komuniti (Sara Shakilla & Asnarulkhadi, 2020). Kebimbangan yang lazim ditimbulkan oleh

agensi pelaksana ialah keupayaan komuniti menguruskan program pembangunan yang diperkenalkan secara mandiri. Hal ini kerana rata-rata kajian menunjukkan komuniti berhadapan dengan masalah hingga gagal menguruskan projek sebaik agensi pembangunan atau NGO keluar daripada projek (Abdul Rasid & Mohamad Zaid, 2014). Penglibatan komuniti pasca pemantauan oleh agensi pembangunan dalam sebarang program sangat kritikal bagi menentukan kemampunan projek pada masa hadapan. Bertitik tolak daripada itu, makalah ini diasaskan daripada dua persoalan utama iaitu (i) sejauh manakah Projek Penternakan Lokan yang diperkenalkan kepada peserta mencapai matlamatnya?; dan (ii) apakah yang dilakukan oleh komuniti bagi memastikan program pembangunan yang disertai boleh bertahan? Untuk itu, dua objektif yang dicapai menerusi kajian yang dilakukan. Pertama, mengkaji kesan penglibatan peserta dalam Projek Penternakan Lokan dan kedua, mengenalpasti strategi yang dilakukan oleh peserta bagi mengekalkan Projek Penternakan Lokan.

Sorotan Literatur

Perbincangan dalam sorotan kajian lepas memberi fokus terhadap tipologi penglibatan komuniti serta debat penglibatan komuniti dalam program pembangunan.

Penglibatan Komuniti Dalam Program Pembangunan

Penglibatan dan keupayaan komuniti menguruskan projek pembangunan menjadi indikator penting dalam menentukan kejayaan sesuatu program. Bagi memahami bentuk penglibatan ini, Tipologi Penglibatan Komuniti oleh Pretty (1995) dalam projek pembangunan boleh digunakan untuk membezakan darjah dan jenis penglibatan (Cornwall, 2008), membincang dan memahami penglibatan komuniti dalam pembangunan. Terdapat tujuh tahap penglibatan yang lazimnya berlaku dalam sesuatu projek pembangunan. Daripada tujuh tahap penglibatan yang dikategorikan oleh Pretty (1995), bentuk penglibatan fungsional adalah yang paling kerap ditemui dalam pembangunan (Cornwell, 2008). Manakala penglibatan interaktif dan mobilisasi (*self-mobilization*) adalah kategori yang mempromosi dan menggunakan pendekatan penglibatan dalam pembangunan komuniti (Cornwell, 2008). Tipologi Pretty (1995) ini telah menjelaskan perkara pokok bagi pihak yang ingin menggunakan pendekatan penglibatan adalah membentuk campur tangan komuniti dalam pembangunan (Cornwell, 2008). Tipologi penglibatan oleh Pretty (1995) ini menunjukkan kuasa yang sepatutnya dimiliki oleh orang miskin dan ia perlu diterjemahkan melalui penglibatan aktif mereka dalam proses pembangunan. Penglibatan, sama ada menerusi suara seperti pendapat mahupun terlibat sama dalam pembuatan keputusan tidak sahaja perlu didengar oleh agensi pembangunan malah perlu diambil kira dalam merencana dan melaksanakan pembangunan. Hal ini kerana pembangunan yang diperkenalkan tersebut adalah untuk komuniti miskin (Cernea, 1996). Sebaliknya agensi pembangunan adalah perantara bagi komuniti untuk memastikan impak positif dan faedah pembangunan dirasakan demi pembangunan negara secara keseluruhannya. Dengan itu, pemerintah boleh berbangga dengan pencapaian mereka mengurangkan kemiskinan secara cekap tanpa mengabaikan kepentingan komuniti dalam agenda pembangunan perdana.

Penglibatan adalah satu proses yang dinamik, justeru itu, tidak hairan sekiranya wujud kecenderungan berlakunya pengurangan mahupun peningkatan dalam darjah penglibatan dari semasa ke semasa (White, 1996). Dengan ini, semua pihak berkepentingan perlu bijak merangka kaedah terbaik bagi memastikan minat dan penglibatan mereka berada pada tahap yang optimum demi mencapai matlamat pembangunan secara holistik. Kerjasama di antara pihak berkepentingan ini penting bagi memastikan pembangunan yang dilakukan berjalan lancar dan berterusan tanpa mengira lokasi dan bentuk sesuatu program diperkenalkan (Norhafiza & Ku 'Azam, 2018).

Hakikatnya, penglibatan tidak semata-mata adalah berkenaan minat orang miskin sebaliknya ia turut bergantung kepada jenis penglibatan dan apa yang mampu ditawarkan oleh kedua-dua pihak (White, 1996). Oleh kerana terlalu banyak program pembangunan yang mengusulkan penglibatan komuniti, ada ahli komuniti yang menjadi penat (White, 1996) dan sinis (Cornwell, 2008) untuk turut serta. Maka dengan ini, agensi pelaksana perlu memiliki pengetahuan tentang komuniti yang bakal terlibat dalam program pembangunan. Hal ini kerana tanpa pemahaman yang dinamik mengenai perkara asas dalam komuniti terbabit seperti institusi dan jaringan sosial serta dimensi yang berbeza dalam kehidupan harian mereka, ia akan memburukkan lagi keadaan komuniti tersebut (Cornwell, 2008).

Keengganan komuniti untuk terlibat dalam proses pembangunan telah dikenalpasti oleh Cornwell (2008). Banyak faktor yang menjelaskan punca keadaan ini berlaku dalam komuniti termasuklah ketidaksesuaian masa dan tempoh aktiviti program pembangunan dilaksanakan. Selain itu, tempat/ruang program dijalankan tidak selesa dan kurang sesuai. Dalam pada itu, komuniti didapati tidak yakin termasuklah khuatir idea dan pengetahuan mereka akan diperlekehkan selain komuniti tidak tahu apa yang hendak disumbangkan dalam program pembangunan. Komuniti juga tidak mempunyai sebab munasabah untuk terlibat serta berasa letih untuk terlibat kerana terlalu banyak khidmat nasihat diberikan tetapi hasil yang diinginkan tidak diperolehi seperti yang sepatutnya. Kesemua ini menyebabkan ahli komuniti dengan sendiri mengasingkan diri mereka daripada turut serta dalam mana-mana program pembangunan yang diperkenalkan ke atas mereka. Daripada fakta yang dihuraikan Cornwell (2008) jelas menunjukkan keputusan komuniti untuk melibatkan diri dalam satu-satu program pembangunan banyak bergantung kepada ketepatan memilih dan melaksanakan projek oleh agensi, motivasi komuniti dan kejayaan projek-projek terdahulu. Di sinilah pentingnya untuk memahami keperluan dan kehendak komuniti (Cornwell, 2008) di samping memantau dan menilai semula program pembangunan komuniti (Philips dan Pittman, 2009) agar kelestariannya boleh dimanfaatkan secara berpanjangan. Pengenal program pembangunan yang tidak sesuai ke atas komuniti menyebabkan program tidak mendapat sambutan dan komitmen yang akhirnya gagal mencapai matlamatnya.

Tidak dinafikan bahawa kemiskinan boleh menghalang akses kepada kemahiran, sikap dan pelbagai peluang yang boleh meningkatkan kualiti hidup individu dalam masyarakat (Shamsiah, 2011). Untuk itu, penting untuk menangani fenomena ini agar pembangunan yang sepatutnya bersifat sejagat dan dinikmati semua manusia (Sen, 2001) dapat disebarkan secara bijak dan mengambilkira keperluan pihak berkepentingan terutamanya komuniti miskin (Cornwell, 2008; Reid, 2006; Arnstein, 1969). Walau apapun halangan dan cabaran dalam usaha untuk memperkasakan orang miskin, penglibatan golongan ini sememangnya menjadi kayu ukur penting dalam menentukan kejayaan pembangunan (Cornwall, 2008; Reid, 2006; White, 1996; Arnstein, 1969). Dari satu segi, melibatkan komuniti sebenarnya telah membantu agensi pelaksana menyediakan gambaran terbaik mengenai masalah, keperluan dan peluang yang sedia ada dalam komuniti (Reid, 2006). Memandangkan ahli-ahli komuniti merupakan aktor penting dalam pembangunan komuniti, komuniti turut mempunyai pengetahuan tentang kejiannya dan bakal menerima kesan pembangunan, maka mereka patut dilibatkan dalam proses perancangan dan pelaksanaan pembangunan komuniti (Reid, 2006). Tegasnya, komuniti tidak sahaja berhak untuk terlibat sama dalam membuat dan mempengaruhi keputusan, sebaliknya mereka juga boleh mempersoalkan keputusan yang dibuat andai tindakan yang dilakukan agensi pembangunan bertentangan dengan persetujuan awal yang telah dicapai (Asnarulkhadi & Bahaman, 2011). Bagaimana komuniti di Kg. Kopunadan boleh

terlibat serta pengalaman mereka menyertai Projek Penternakan Lokan dan bentuk penglibatan akan diperincikan dalam makalah ini seterusnya.

Metodologi Kajian

Data daripada kajian kualitatif ini dikutip dan dikumpul menerusi teknik pemerhatian ikut serta dan temubual secara mendalam. Di samping itu, sampel air paya bakau Kg. Kopunadan diambil untuk menguji parameter *in-situ* air manakala lokan dikutip untuk mengetahui saiz dan jenis lokan yang ditenak. Kajian ini telah dikendalikan dalam tiga fasa iaitu (i) Januari 2017; (ii) Mac 2017; dan (iii) Ogos 2017. Penyelidik telah mengikuti responden melawat kawasan paya bakau Kg. Kopunadan yang terletak di Teluk Marudu, Kudat, Sabah. Pemilihan Kg. Kopunadan sebagai lokasi kajian adalah kerana ia merupakan Projek Penternakan Lokan pertama di Kudat yang diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan Sabah cawangan Matunggong. Lazimnya, aktiviti pengutipan lokan di daerah ini dilakukan secara konvensional di merata kawasan paya bakau (Andy Russel et. al., 2016). Dalam pada itu, tumpuan projek akuakultur oleh agensi sebelum ini memberi tumpuan kepada projek penternakan ikan dan pengkulturan rumpai laut (Jabatan Perikanan Sabah, 2013). Justeru, kajian ini boleh menjadi model projek dan kayu ukur potensi serta kerelevanan program pembangunan komuniti seumpamanya dilaksanakan di tempat lain kelak atau sebaliknya. Hal ini kerana projek sangkar lokan berupaya menjadi pembekal sumber makanan yang selamat kepada pengguna (Diana et. al., 2018).

Selain itu, penyelidik turut melakukan aktiviti pengutipan lokan di kawasan penternakan. Dengan ini, penyelidik dapat melihat sendiri kawasan sangkar dan merasai pengalaman kerja-kerja pengutipan lokan dilakukan. Penyelidik turut mengunjungi Balai Budaya Kg. Kopunadan yang menjadi lokasi Pesta Lokan yang terletak di atas bukit berhampiran kawasan sangkar lokan. Ketika berada dalam Balai Budaya yang dibina daripada papan dan buluh itu, penyelidik berpeluang membakar lokan yang dikutip sendiri oleh penyelidik dan memakan lokan mentah. Pemerhatian turut dilakukan sepanjang Pesta Lokan 2017. Bagi mendapatkan data secara terperinci, sesi temubual dilakukan bersama lima orang informan yang terdiri daripada Pengerusi Projek Penternakan Kg. Kopunadan, Pengerusi JKKK, dua orang peserta projek dan Pegawai Jabatan Perikanan Sabah cawangan Matunggong. Set rangka temubual telah disediakan dan soalan yang diajukan kepada para responden adalah mengikut sub-tema khusus misalnya latar belakang penglibatan dalam projek, aktiviti pengutipan lokan dan pasaran lokan, masalah dan cabaran yang dihadapi sepanjang menyertai Projek Penternakan Lokan. Setiap sesi temubual direkod dan berlangsung selama 30 minit hingga satu jam. Data temubual kemudiannya ditranskrip semula ke dalam bentuk dokumen dan dianalisis mengikut sub-tema.

Dapatan Kajian

Penglibatan Peserta Dalam Program Penternakan Lokan Di Kg. Kopunadan, Kudat

Secara tradisinya, aktiviti pengutipan lokan merupakan salah satu aktiviti ekonomi sara diri komuniti Rungus di Kudat khasnya penduduk Kg. Kopunadan. Aktiviti penangkapan hidupan akuatik di paya bakau telah menyumbang sekitar RM432.75 sebulan kepada pendapatan isi rumah komuniti di Kudat (Russel et. al. 2016). Hal ini menunjukkan paya bakau boleh dijadikan sebagai lokasi sumber rezeki dan penjana pendapatan utama komuniti. Lokasi Kg. Kopunadan yang terletak kurang 1 kilometer dari kawasan paya bakau dan laut menyebabkan sebahagian besar komuniti memilih untuk mengusahakan aktiviti perikanan sebagai mata pencarian termasuklah mengutip lokan.

Penternakan lokan merupakan salah satu daripada Projek Akuakultur yang diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan Sabah pada tahun 2014 di Kg. Kopunadan, Kudat. Objektif program ini diperkenalkan untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar menerusi projek akuakultur. Matlamat ini selaras dengan program-program pembangunan komuniti di seluruh negara yang ingin membebaskan masyarakat luar bandar daripada belenggu kemiskinan (Haris & Siti Hajar, 2017). Projek ini dimulakan dengan lapan orang peserta perintis dan pemilihan Kg. Kopunadan dalam Program Penternakan Lokan di Kudat kerana penduduk di kampung ini aktif menjual lokan di Tamu Matunggong pada setiap hari Khamis. Mengikut En. Syafik, Pengerusi JKKK Kg. Kopunadan, seorang Pegawai Jabatan Perikanan telah berjumpa dengan beliau dan bertanya sama ada penduduk di kampung tersebut berminat untuk membina sangkar menternak lokan. Selepas menyatakan minat dan bersetuju dengan cadangan ini, Pengerusi JKKK diminta untuk mencadangkan lapan orang untuk menjadi peserta perintis. Kriteria pemilihan peserta ketika itu berdasarkan minat untuk terlibat dengan projek yang dicadangkan dan penduduk yang aktif menjalankan kerja pengutipan lokan. Kesemua peserta adalah nelayan dan menjalankan kegiatan mengutip lokan sebagai sumber ekonomi. Oleh kerana projek ini dilihat berpotensi dan peserta sedia ada berdikari mencari pasaran lokan dan penambahan bibit di kawasan semulajadi, maka Jabatan Perikanan Sabah (Matunggong) telah menambah tiga orang lagi peserta.

Ketika kajian ini diusahakan, jumlah keseluruhan peserta projek ini adalah seramai 11 orang. Bagaimanapun sejak projek ini diperkenalkan, permohonan semakin banyak diterima daripada penduduk kampung untuk turut serta dalam program ini. Menurut Pengerusi JKKK Kg. Kopunadan, sebanyak lima permohonan baharu diterima dalam bulan Mei hingga Jun 2018. Namun, fasa baharu ini menyaksikan ahli komuniti yang berminat menyertai projek perlu terlebih dahulu membina sangkar lokan mereka sendiri sebelum permohonan dimajukan kepada Jabatan Perikanan Sabah. Peserta perintis yang terlibat dalam Projek Penternakan Lokan ini diberikan bantuan dari segi peralatan dan latihan oleh Jabatan Perikanan Sabah. Bantuan peralatan boleh dibahagikan dalam tiga bentuk yang utama iaitu (i) peralatan untuk pembinaan sangkar; (ii) peralatan untuk mengutip lokan; dan (iii) peralatan pembinaan titi. Perincian peralatan ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1: Bentuk dan Jenis Peralatan Disalurkan dalam Projek Penternakan Lokan

Bentuk Bantuan	Jenis Peralatan
Pembinaan Sangkar	1. Jaring 2. Tiang bulian 3. Kabel tie 4. Tali 5. Papan 6. Paku 7. <i>Chainsaw</i>
Pengutipan Lokan	1. Bot 2. Enjin 5 kuasa kuda 3. Troli
Pembinaan Titi	1. Kayu

Jelas daripada Jadual 1 menunjukkan Jabatan Perikanan Sabah telah memberikan bantuan penuh kepada peserta perintis untuk memulakan program pembangunan komuniti yang disertai. Peralatan membina sangkar diberikan untuk semua peserta manakala peralatan untuk mengutip lokan dikongsi bersama dua orang peserta. Meskipun projek penternakan ini merupakan projek berkumpulan, namun setiap peserta mempunyai sangkar masing-masing yang dibina secara berkerjasama dalam kalangan peserta dan ahli keluarga di kawasan paya bakau yang terletak di Teluk Marudu. Pembinaan sangkar mengikut keluasan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Sabah iaitu 60 x 60 kaki persegi untuk peserta perintis dan 100 x 100 kaki persegi untuk kumpulan kedua. Bantuan kayu pula diberikan untuk membina titi sepanjang lebih kurang 200 meter. Di samping bantuan dari segi peralatan, latihan asas diberikan kepada peserta selama lima hari termasuk teknik membina sangkar lokan. Jarak kawasan penternakan lokan ini terletak 0.7 kilometer dari jalan raya dan perlu mendaki bukit untuk sampai ke paya bakau. Para peserta penternakan lokan terpaksa memikul enjin sangkut setiap kali hendak ke sangkar masing-masing. Lokasi yang jauh ini tidak menghalang peserta untuk mengusahakan projek penternakan.

Penglibatan peserta dalam Projek Penternakan Lokan bermula daripada peringkat awal projek diperkenalkan iaitu cadangan lokasi penternakan. Kawasan yang dicadangkan sebagai tapak sangkar projek ini adalah paya bakau yang terletak dalam kawasan Kg. Kopunadan. Meskipun peserta terpaksa berjalan kaki ke kawasan paya bakau ini, namun pemilihan lokasi ini dilakukan kerana (i) ia kawasan bakau paling hampir dengan kawasan perkampungan; (ii) boleh diakses dari darat dan laut; dan (iii) penduduk mempunyai perancangan untuk memohon tanah di kawasan bukit dan tanah lapang berhampiran bakau ini sebagai kawasan petempatan baharu bagi penduduk Kg. Kopunadan. Hal ini kerana sebahagian besar peserta dan penduduk kampung menumpang di atas tanah milik persendirian. Bagaimanapun, sehingga kajian ini diusahakan, permohonan penduduk kampung masih belum diluluskan oleh Jabatan Tanah kerana lokasi yang dicadangkan tersebut berhampiran dengan Rizab Kawasan Bakau (kelas v) di bawah kelolaan Jabatan Perhutanan Sabah. Menurut Jabatan Perikanan Sabah cawangan Matunggong, projek yang dijalankan di kawasan bakau ini digerakkan tanpa kebenaran Jabatan Tanah dan Jabatan Perhutanan. Bagaimanapun, memandangkan projek penternakan ini bersifat mesra alam maka ia diteruskan juga. Malahan menurut responden, projek ini tidak merosakkan kawasan bakau dan menegaskan tidak ada penebangan kayu bakau sepanjang kerja pembinaan sangkar dilakukan.

Kesesuaian lokasi ditentukan oleh Jabatan Perikanan Sabah selepas membuat pemeriksaan dan mendapati paya bakau di kawasan terbabit bebas daripada sebarang bentuk pencemaran. Buktinya, ujian ke atas sampel air dari lokasi sangkar lokan mendapati purata parameter *in-situ* air adalah 6.66 pH manakala kemasinan ($^{\circ}/_{00}$) 3.71, oksigen terlarut (mg/L) adalah 3.73 dan kekonduksian elektrik (mS/cm) 14.04. Dengan ini, faktor sekitaran pH dan *salinity* serta kawasan *canopy* pokok bakau yang tertutup di paya bakau Kg. Kopunadan ini berada dalam lingkungan sesuai untuk pembiakan lokan. Sampel ke atas lokan menemukan dua jenis lokan yang dibiak dalam sangkar peserta iaitu *polymesoda erosa* dan *polymesoda expansa*. Namun bagi peserta, kedua-dua jenis lokan ini dibezakan mengikut jantina iaitu lokan jantan dan betina. Kajian ini juga telah mengenalpasti tiga kumpulan lokan berdasarkan saiz iaitu kecil (kurang daripada 50 mm); sederhana (50 mm hingga 70 mm); dan besar (lebih 70 mm). Kajian ini mendapati peserta tidak mempunyai pengetahuan mengenai spesies secara saintifik, pun begitu, peserta mempunyai pengetahuan asas mengenai sifat dan khasiat lokan.

Kesan Penglibatan Komuniti Dalam Projek Penternakan Lokan

Kajian ini telah mengenalpasti lima kesan utama penglibatan peserta dalam Projek Penternakan Lokan di Kg. Kopunadan. Umumnya, program pembangunan komuniti dirancang bagi kelangsungan, memperkasakan, meningkatkan kesejahteraan (Zakiah, 2015) serta mempengaruhi kualiti hidup komuniti (Sara Shakilla & Asnarulkhadi, 2020). Selain itu, penglibatan komuniti dalam aktiviti yang dijalankan turut membina keupayaan komuniti menerusi pertambahan pengetahuan, kemahiran dan pengalaman (Sara Shakilla & Asnarulkhadi, 2020). Jelasnya, kesan positif ini menjadi titik tolak kepada kebolehbertahanan program pembangunan komuniti. Perbincangan berkenaan kelima-lima kesan ini diperincikan dalam sub-topik seterusnya.

Pengutipan Lokan Lebih Sistemik

Ketiadaan lokasi penternakan lokan yang berstruktur dan berpusat telah menyebabkan pengutip lokan perlu meredah kawasan paya bakau yang luas dan pergi ke kawasan paya bakau lain seperti Kuala Bandau yang terletak jauh dari tempat tinggal mereka untuk mengutip lokan. Justeru itu, banyak masa digunakan untuk mencari lokan dan jumlah yang berjaya dikutip sedikit berbanding masa masa yang digunakan. Selain itu, lokan yang tidak habis dijual juga tidak boleh disimpan dan akhirnya mati kerana tidak terdapat kawasan khas untuk menyimpan lokan. Dengan kata lain, kaedah konvensional yang digunakan sebahagian besar pengutip lokan adalah kurang mampan. Bagaimanapun, kaedah penternakan lokan dalam sangkar membolehkan kerja pengutipan lebih berfokus. Pengalaman penyelidik mengutip sendiri lokan dalam kawasan sangkar responden mendapati masa kurang daripada setengah jam diperlukan untuk mengutip lebih 20 biji lokan. Hal ini kerana sangkar ini umpama pusat stok yang tidak sahaja memudahkan responden mencari lokan, sebaliknya ia juga bertindak sebagai lokasi terkawal bagi pembiakan lokan. Selain masa pendek yang diperlukan untuk mengutip lokan, responden tidak perlu bersusah payah meredah hutan paya bakau untuk mencari lokan. Kebiasaannya kerja-kerja mengutip lokan juga dilakukan oleh ahli keluarga.

Peningkatan Pendapatan Menerusi Penternakan Lokan

Jumlah pendapatan daripada penjualan lokan adalah tidak menentu, namun setiap bulan responden akan menuai lokan lebih daripada empat kali bergantung kepada permintaan. Bagi responden, penglibatan mereka dalam aktiviti bukan pertanian adalah kerana kawasan bakau menawarkan pendapatan yang tidak bermusim melalui pengutipan lokan dan siput. Lokan boleh dituai sepanjang tahun. Selain menjual lokan di Tamu Matunggong pada setiap minggu, responden juga menerima tempahan lokan dari luar Kudat. Dengan ini, permintaan lokan adalah luas dan meningkat khususnya ketika musim perayaan Krismas dan Pesta Kaamatan kerana biasanya ia dimakan selepas meminum keras. Lokan juga mempunyai pasaran tersendiri dan harganya juga lebih tinggi berbanding 1980-an. Menurut responden, harga lokan pada tahun 1960-an adalah RM1.00 untuk seratus biji lokan. Sebaliknya ketika kajian ini dilakukan, 16 biji lokan dijual pada harga RM1.00 ataupun satu kilogram RM2.00. Adakalanya hasil sekali tuaian boleh mencecah RM500 untuk 200 kilogram. Menurut responden yang juga menerima pesanan dari luar Kudat seperti Tambunan, Sabah penjualan lokan daripada sangkar telah memberi pendapatan lumayan buat beliau.

Membuka Peluang dan Menarik Ahli Komuniti Menyertai Projek

Penglibatan peserta dalam Projek Penternakan Lokan telah memberi kesedaran kepada ahli komuniti lain untuk terlibat sama dalam projek yang serupa. Justeru itu, projek ini berjaya menarik minat ahli komuniti lain untuk terlibat sama dalam program ini. Hal ini berlaku kerana

penglibatan peserta dalam projek ini telah menunjukkan peningkatan daripada segi pendapatan dan peluang memasarkan lokan menerusi Pesta Lokan.

Penganjuran Pesta Lokan dan Promosi Budaya Etnik Rungus

Projek Penternakan Lokan di Kg. Kopunadan berjaya kerana komuniti terbabit melebarluaskan konsep penternakan di luar daripada aktiviti pengutipan lokan semata-mata (Jalihah, Diana Demiyah & Khairunesa, 2020). Idea penganjuran Pesta Lokan diutarakan oleh peserta projek yang juga merupakan Pengerusi JKKK. Menurut En. Syafik, Pesta Lokan pertama kali dianjurkan pada tahun 2016. Keinginan mengadakan pesta ini telah dimaklumkan dan mendapat persetujuan daripada Penolong Pegawai Daerah dan Jabatan Perikanan Sabah. Namun, komuniti berhadapan dengan isu dana bagi menganjurkan pesta ini. Kesannya perancangan Pesta Lokan 2017 ditangguh beberapa kali sebelum dimuktamadkan pada 12 Ogos 2017. Umumnya, Pesta Lokan dianjurkan untuk mempromosi lokan kepada orang luar. Pesta Lokan dilihat sebagai salah satu alternatif kepada peserta projek penternakan dan komuniti untuk memasarkan lokan selain mengekalkan kaedah pemasaran masa kini dengan cara menghantar lokan ke pasar terdekat mahupun mengambil pesanan dari kawasan lain.

Umumnya, aktiviti sehari Pesta Lokan yang bermula 9.00 pagi hingga 6.00 petang ini adalah membawa pengunjung melawat tapak penternakan lokan, pertandingan mengutip lokan, panggang lokan dan jualan lokan. Di samping menjadikan lokan sebagai produk utama pesta ini, komuniti Kg. Kopunandan turut mempamerkan budaya etnik Rungus di Balai Budaya kampung ini sebagai pengisian lain dalam Pesta Lokan. Tarian dan permainan alat muzik tradisional merupakan antara persembahan budaya ketika pesta berlangsung. Penganjuran Pesta Lokan telah membawa masuk pengunjung tempatan ke kawasan ini. Sambutan daripada pengunjung dan kejayaan peserta projek ini menganjurkan Pesta Lokan menyebabkan penternak lokan di perkampungan lain turut menyatakan hasrat untuk mengadakan pesta yang serupa. Sebagai contoh, Pengerusi JKKK Kg. Naboh, Kudat juga bercadang menganjurkan pesta lokan di kampung beliau. Pesta Lokan yang pertama seumpamanya dilaksanakan di kawasan Kudat ini dianggap menjadi *benchmark* kepada penganjuran seterusnya dan dilihat menjadi titik tolak mempromosi cara hidup etnik Rungus. Dalam jangka panjang, kawasan penternakan lokan ini berpotensi untuk dikembangkan menjadi salah satu produk ekopelancongan dan budaya di kawasan Kudat.

Membina Jaringan Bersama Pemegang Taruh

Kerjasama dan komitmen dalam kalangan pemegang taruh mempengaruhi kejayaan program pembangunan komuniti. Kajian ke atas Projek Penternakan Lokan di Kg. Kopunadan mendapati usaha peserta untuk membina jaringan bersama pemegang taruh menjadi salah satu resepi penting kepada kemampanan program pembangunan komuniti ini. Hubungan ini dijalin bagi mendapatkan info terkini tentang lokan dan mencari serta mengumpul dana untuk penganjuran Pesta Lokan. Perbincangan bersama Pejabat Daerah dan Jabatan Perikanan Sabah kerap dilakukan bagi memastikan aktiviti Pesta Lokan berjaya dianjurkan. Kesungguhan yang ditunjukkan oleh para peserta ini mendapat pujian kedua-dua agensi pelaksana terbabit. Bagi

tujuan pengumpulan dana pula, peserta menghubungi orang perseorangan seperti YB kawasan Kudat dan penyelidik UMS untuk mendapatkan tajaan. Manakala pelanggan di luar dari Kudat juga dimaklumkan mengenai Pesta Lokan. Jaringan sebegini rupa menjadi tulang belakang kelancaran projek yang dirancang oleh komuniti. Hal ini kerana Pesta Lokan akan diberi liputan media dalam akhbar tempatan yang boleh menarik lebih ramai pengunjung ke pesta tersebut dan seterusnya membuka pasaran baharu untuk lokan daripada projek penternakan ini.

Perbincangan

Penglibatan komuniti merupakan salah satu prasyarat kepada kejayaan sesuatu program pembangunan komuniti (Haris & Abd Hadi, 2012; Asnarulkhadi & Bahaman, 2011; Meme Zainal, 2011; Reid, 2006; Mohammad Shatar, 2003). Pengupayaan komuniti pula berlaku sekiranya peserta boleh meneruskan projek selepas ia diperkenalkan tanpa bergantung kepada agensi pembangunan dan NGO (Abdul Rasid & Mohamad Zaid, 2014). Dengan kata lain, kejayaan atau kegagalan pembangunan komuniti banyak ditentukan oleh kesungguhan, kerja keras dan penglibatan komuniti di peringkat setempat (Meme Zainal, 2011; Mohammad Shatar, 2003; Sanders, 1989). Justeru itu, reaksi dan tindak balas positif komuniti adalah penting bagi menentukan kejayaan sesuatu program pembangunan. Kajian ini mendapati peserta projek terlibat secara aktif dalam Program Penternakan Lokan dari awal program diperkenalkan sehingga kajian ini dilakukan. Penglibatan responden dalam projek ini boleh disifatkan sebagai *self mobilization* (Pretty, 1995). Hal ini diakui sendiri oleh pegawai daripada Jabatan Perikanan Sabah (Matunggong) yang memuji penglibatan aktif dan keupayaan peserta di Kg. Kopunadan menguruskan projek ini secara konsisten. Malahan pegawai berkenaan membandingkan dengan peserta projek penternakan lokan di Kg. Indarason Laut, Kudat yang disifatkan sebagai kurang aktif dan menyuarakan kebimbangan terhadap keupayaan projek di kawasan tersebut bertahan.

Tindakan Jabatan Perikanan Sabah memberi kepercayaan kepada kepimpinan di peringkat komuniti untuk memilih peserta projek adalah tepat. Dengan ini, ahli komuniti yang komited dan mempunyai pengalaman dalam aktiviti pengutipan lokan diutamakan. Hal ini selari dengan apa yang diutarakan oleh sarjana pembangunan dalam membincangkan penglibatan komuniti dalam projek pembangunan. Pertama, penglibatan komuniti perlu diperhalusi secara serius dalam merekabentuk, merancang dan melaksanakan program pembangunan agar mereka kelak memperoleh faedah positif daripadanya tanpa perlu mengorbankan sosiobudaya mereka (Paiement, 2007). Sesuatu projek perlu relevan dari segi sosial dan sesuai dari aspek budaya untuk melibatkan golongan sasaran secara terus (Escobar, 1997). Kedua, pihak agensi pembangunan perlu menggunakan pengetahuan yang dimiliki komuniti sekiranya ingin memperkenalkan pembangunan kerana mereka lebih arif tentang hal-ehwal sosiobudaya yang berakar umbi dalam komuniti. Ketiga, pakej pembangunan seperti yang ditegaskan oleh Carnea (1995) perlu mengandungi dan mengambilkira tindakan secara bersama semua pihak berkepentingan dalam merekabentuk, mengatur serta melaksanakan program pembangunan agar kesamarataan dapat dicapai dan dalam masa serentak kemiskinan dikurangkan. Dalam konteks Projek Penternakan Lokan di Kg. Kopunadan, aktiviti akuakultur yang diperkenalkan sudah menjadi kegiatan ekonomi peserta dan projek ini menyebabkan pengurusan aktiviti ekonomi ini lebih tersusun dan tidak menjejaskan kehidupan sosiobudaya para peserta. Selain itu, pemilihan peserta yang mempunyai pengetahuan dan latar belakang terlibat dalam pengutipan lokan menyebabkan peserta sentiasa berusaha untuk memastikan projek ini terus kekal demi kelangsungan hidup. Dengan itu, peserta mudah untuk beradaptasi dengan program kerana peserta *familiar* dengan projek ini. Hal ini berbeza dengan projek lain yang diperkenalkan agensi pembangunan sebelum ini yang menemui kegagalan kerana peserta tidak mempunyai latar belakang ekonomi berkaitan (Rosazman et. al, 2009) program pembangunan yang diperkenalkan ke atas mereka. Dengan itu, masalah berhubung penternakan lokan boleh diatasi kerana peserta mempunyai pengalaman melakukan aktiviti pengutipan lokan untuk tujuan menjana pendapatan sejak tahun 1980-an lagi.

Kepimpinan dalam komuniti dan kesungguhan peserta bagi memastikan kelestarian projek turut menyumbang kepada kejayaan sesuatu program yang direncanakan. Meskipun, Projek

Penternakan Lokan ini secara relatifnya masih baharu, namun ia telah menampakkan potensi untuk berkembang dengan baik. Hal ini kerana peserta projek bersungguh-sungguh dalam melaksanakan projek dan sepakat melaksanakan program sampingan di luar daripada konteks aktiviti pengutipan lokan semata-mata. Kesungguhan dijemakan ketika menyiapkan sangkar lokan secara bersama dan menganjurkan Pesta Lokan. Kesepakatan ini mempunyai kaitan dengan hubungan kekeluargaan dalam kalangan peserta, dengan itu, sesuatu idea untuk menambahbaik projek ini mudah mendapat sokongan dan kepercayaan peserta lain. Lazimnya pengupayaan komuniti menerusi program pembangunan komuniti adalah sangat terbatas. Hal ini kerana wujud kecenderungan komuniti bergantung kepada agensi pembangunan lebih-lebih lagi bila pemantauan pada tahap minima. Malahan banyak projek menemui kegagalan andainya bantuan dihentikan dan komuniti diminta menggerakkan projek mereka sendiri (Abdul Rasid & Mohamad Zaid, 2014). Kajian ini mendapati walaupun Projek Penternakan Lokan diperkenalkan oleh Jabatan Perikanan Sabah, namun, projek ini berasaskan komuniti bila mana peringkat awal pengenalannya lagi sudah melibatkan komuniti. Meskipun Jabatan Perikanan Sabah (Matunggong) bertindak sebagai pembekal peralatan dan pemantau projek, peserta diberikan kebebasan untuk menguruskan projek ini dari segi menyediakan tenaga kerja dalam membina sangkar, pemasaran dan pencarian bibit baharu. Bantuan yang diberikan oleh agensi pembangunan dan pemantauan pada tahap yang minima ini boleh menyediakan asas kepada pemerksaan yang bersifat sederhana dan tindakan awal yang boleh mengubah bentuk pengagihan kuasa dalam komuniti (Smith, 1998). Maka, campur tangan komuniti dalam pembangunan (Cornwell, 2008) dan inisiatif yang digerakkan oleh komuniti seperti ini yang membentuk *self of belonging* terhadap projek yang disertai. Justeru itu, komuniti akan berusaha memastikan projek boleh bertahan untuk kelangsungan hidup komuniti secara keseluruhannya. Pembinaan hubungan dengan institusi luar (Pretty, 1995) untuk mengukuhkan projek adalah perlu dalam mengekalkan penglibatan aktif komuniti dalam projek pembangunan. Kajian ini mendapati peserta menjalin kerjasama dengan pemegang taruh iaitu Jabatan Perikanan Sabah (Matunggong), Pejabat Daerah Kudat dan ahli politik. Kerjasama ini memudahkan peserta mendapat khidmat nasihat teknikal dan dana jika diperlukan. Dalam pada itu, komuniti telah membuka potensi penternakan lokan melebihi aktiviti pengutipan lokan semata-mata. Projek penternakan lokan juga boleh menjadi titik tolak mempromosikan budaya etnik Rungus menerusi Pesta Lokan. Dengan kata lain, aktiviti ekonomi digabungkan dengan aktiviti kebudayaan. Hubungan tidak langsung sebegini menyebabkan peserta akan rasa bertanggungjawab dan terikat dengan program sedia ada. Pemahaman peserta mengenai tujuan dan peranan peserta dalam projek pembangunan adalah penting. Kefahaman sebegini menyebabkan komuniti mengetahui batas bantuan yang diberikan kepada mereka. Justeru itu, komuniti boleh bersedia dengan cabaran yang bakal berlaku selepas agensi keluar daripada projek. Kajian ini mendapati peserta projek faham bahawa selepas peralatan diberikan, peserta

perlu mengendalikan projek tanpa bergantung kepada Jabatan Perikanan Sabah. Malahan peserta juga sedar bahawa projek bertujuan menambah sumber pendapatan sedia ada. Justeru itu, peserta mencari sendiri bibit lokan, mencari pasaran dalam dan luar kampung serta memperkenalkan aktiviti berasaskan lokan seperti Pesta Lokan. Kejayaan yang ditunjukkan oleh peserta perintis telah menarik minat ahli komuniti untuk terlibat dalam projek ini. Buktinya, semenjak program pembangunan komuniti ini diperkenalkan, semakin banyak permohonan baharu yang diterima daripada ahli komuniti. Hal ini mempunyai kaitan dengan apa yang disebutkan oleh Smith (1998) sebagai melebarluaskan manfaat sosioekonomi secara kolektif terhadap ahli komuniti. Penglibatan yang semakin ramai menjadi petunjuk projek pembangunan ini diterima baik oleh komuniti dan potensi projek ini berupaya dilestarikan.

Kesimpulan

Program pembangunan komuniti menerusi aktiviti penternakan lokan yang dilaksanakan di Kg. Kopunadan tidak statik kepada program peningkatan pendapatan berasaskan penternakan lokan secara mutlak. Sebaliknya peserta projek telah memberi nilai tambah terhadap program sedia ada menerusi penganjuran Pesta Lokan dan menjalin kerjasama dengan pemegang taruh. Pendekatan rakan kongsi dalam projek ini telah memberi manfaat kepada komuniti dan Jabatan Perikanan Sabah (Matunggong) serta mencapai matlamat yang disasarkan. Dari satu segi, Projek Penternakan Lokan telah membentuk pengurusan pengutipan lokan lebih berstruktur dan berpusat yang akhirnya meningkatkan pendapatan komuniti. Dalam masa yang sama, paya bakau boleh dipelihara malah membuka ruang ekonomi baharu menerusi aktiviti ekopelancongan paya bakau yang diuruskan sendiri oleh komuniti. Tegasnya, Projek Penternakan Lokan ini mampu meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar yang berpendapatan rendah dan menjadi program mampan yang diuruskan oleh komuniti.

Rujukan

- Abdul Rasid Abdul Razzaq & Mohamad Zaid Mustafa. (2004). Pembangunan Keupayaan Komuniti Menerusi Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman (Experiential Learning Approach): Pengalaman di Miso Walai Homestay, Kinabatangan, Sabah. *Prosiding CiE-TVET*.
- Andy Russel Mojiol, Lintangah, W., Ismenyah, M., Alamjuri, R.H., Jaafar, C.S.Z. (2016). Mangroves Forest Produce (MFP): Importance and contribution to the local communities at Banggi Island Malaysia using Free Listing Technique. *International Journal of Agriculture, Forestry and Plantation*, 3(6), 89-94.
- Arnstein, S. R. (1969). "A Ladder of Participation". *AIP Journal*: 216-224.
- Asnarulkhadi Abu Samah. (2011). "Teori dan Amalan Pembangunan Komuniti dalam Perkhidmatan Kebajikan Malaysia". Dalam Khadijah Alavi, Rahim Md. Sail & Nurul Akhtar Kamarudin. *Pembangunan Komuniti: Membina Keupayaan Potensi Masyarakat*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Asnarulkhadi Abu Samah & Bahaman Abu Samah. (2011). Daripada Anggota Masyarakat ke Anggota Masyarakat: Merancang dan Melaksanakan Program Pembangunan Komuniti. Dalam Khadijah Alavi, Rahim Md. Sail & Nurul Akhtar Kamarudin. *Pembangunan Komuniti: Membina Keupayaan Potensi Masyarakat*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Cernea, M M. (1996). Social Organization and Development Anthropology. *Environmentally Sustainable Development Studies and Monographs Series, no. 6*. Washington D.C: The World Bank.
- Cornwell, A. (2008). Unpacking 'Participant': Models, Meanings and Practices. *Community Development Journal* Vol. 43 No 3 July 2008, 269-283.
- Diana Demiyah Mohd Hamdan, Norazlin Ngadnan, Rohana Tair & Jalilah Md Shah. (2018). Lokan Aquaculture, Consumption Trend and Sustainability in Kudat District of Sabah. *Proceeding of MASSA 2018*, Universiti Malaysia Terengganu.
- Escobar, A. (1997). Anthropology and Development. *International Social Science Journal*. 154, 497-515.
- Haris Abd. Wahab & Abd Hadi Zakaria. (2012). *Penilaian Keperluan dalam Pembangunan Komuniti*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Haris Abd. Wahab. (2015). Pendekatan Pelaksanaan Pembangunan Komuniti. Dalam Zakiyah Jamaluddin (editor). *Perancangan dan Pembangunan Komuniti*. Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia.

- Haris Abd. Wahab & Abd Hadi Zakaria. (2012). *Penilaian Keperluan dalam Pembangunan Komuniti*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Haris Abd. Wahab & Siti Hajar Abu Bakar Ah. (2017). Perkembangan Pendekatan Pembangunan Komuniti Luar Bandar di Malaysia. *SEJARAH: Journal of the Department of History*. Volume 15, No. 15, November 2017, halaman 57-79.
- Jabatan Perikanan Sabah. (2013). Laporan Tahunan Bahagian Khas Tahun 2012. Kota Kinabalu: Jabatan Perikanan Sabah.
- Jalihah Md Shah, Diana Demiyah Mohd Hamdan & Khairunesa Isa. (2020). Pesta Lokan: Antara Melestarikan Program Pembangunan dan Mempromosi Budaya Komuniti Rungus di Matunggong, Sabah. Dalam Khairunesa Isa & Khairul Azman Mohamad Suhaimy (editor). *Kearifan Lokal Orang Asal: Mendepani Rencah Abad ke-21*. Batu Pahat: Penerbit UTHM.
- Meme Zainal Rashid. (2011). Potensi dan Cabaran Pembangunan Komuniti di Malaysia. Dalam Khadijah Alavi, Rahim Md. Sail & Nurul Akhtar Kamarudin (Editor). *Pembangunan Komuniti: Membina Keupayaan Potensi Masyarakat*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohammad Shatar Sabran. (2003). "Model Pembangunan Komuniti". *Pertanika Journal Social Science & Human*. Vol. 11, No. 2, 135-145.
- Norhafiza Md Sharif & Ku 'Azam Tuan Lonik. (2018). Penglibatan Komuniti Tempatan dalam Keusahawanan Pelancongan: Kajian Kes Pulau Perhentian, Malaysia. *Journal of Nusantara Studies (JONUS)*, Vol 3 (1) 103-119.
- Paieement, J. J. (2007). Anthropology and Development. *NAPA Bulletin*, 27, 196-223.
- Philips, R. & Pittman, R. H. (2009). Measuring Progress: Community Indicators, Best Practices, and Benchmarking. In Philips, R. & Pittman, R. H (Editor). *An Introduction to Community Development*. London: Routledge.
- Pretty, J. N. (1995). Participatory Learning For Sustainable Agriculture. *World Development*, Vol. 23. No. 8, 1247-1263.
- Reid, C. (2006). Tackling Neighborhood Poverty: Developing Strategic Approaches to Community Development. *Community Investments*, Winter 2006.
- Rosazman Hussin, Dayang Suria Mulia, Jalihah Md. Shah & Asmady Idris. (2009). Study to Identify Strategies and Programmes to Eradicate Poverty and Improve Employment and Equity Restructuring in the State of Sabah: Component 3 – Qualitative. Laporan Penyelidikan untuk Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah dan United Nations Development Program, Malaysia. Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan, Universiti Malaysia Sabah.
- Sanders, I. T. (1989). The Concept of Community Development. In Cary, L. J. (Editor). *Community Development as a Process*. Columbia, Missouri: University of Missouri Press.
- Sara Shakilla Binti Mohd Salim & Asnarulkhadi Abdul Samah. (2020). Penglibatan dan Pendayaupayaan Sosial dalam Kalangan Peserta Projek Yayasan Sejahtera di Malaysia. *Community*, Volume 6, Nomor 1, April 2020, halaman 71-82.
- Sen, A. (2001). *Development as Freedom*. Oxford: Oxford University Press.
- Shamsiah Abdul Rahman. (2011). Mengimbas Semula Pembangunan Komuniti. Dalam Khadijah Alavi, Rahim Md. Sail & Nurul Akhtar Kamarudin. *Pembangunan Komuniti: Membina Keupayaan Potensi Masyarakat*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Smith, B. C. (1998). Participation Without Power: Subterfuge or Development?. *Community Development Journal*, Vol. 33, No. 3, 197-204.

- White, S. (1996). Depoliticising Development: The Uses and Abuses of Participation. *Development in Practise*, Volume 6, Number 1,142-155.
- Zakiah Jamaluddin (2015). Perancangan dan Pembangunan Komuniti. Dalam Zakiah Jamaluddin (editor). *Perancangan dan Pembangunan Komuniti*. Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia.